POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA

# PELAN TINDAKAN

## POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

# 2022

Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Tel : 09 - 620 4100
Faks : 09 - 620 4102
www.pkt.edu.my
Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak dibenarkan ditiru, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal pengambaran semula, perakaman atau sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Politeknik Kuala Terengganu.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu

e ISBN 978-967-2240-31-0

# PELAN TINDAKAN

## POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

# 2022


Notes
AUTO POWER OFF
20A
mA

# ISI KANDUNGAN


PERUTUSAN PENGARAH ........ 01

PRAKATA ........ 02

PENDAHULUAN ........ 03

LATAR BELAKANG ........ 04

CARTA ORGANISASI ........ 05

VISI DAN MISI ........ 06

DASAR KUALITI ........ 06

HALA TUJU STRATEGIK PKT ........ 07

PELAN TINDAKAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2022 ........ 08

- i. Teras 1 – Menghasilkan Graduan TVET berkualiti ........ 09
- ii. Teras 2 – Memantapkan Governan Yang Responsif dan Mampan ........ 17
- iii. Teras 3 – Memperkaya Bakat ........ 25
- iv. Teras 4 – Menerajui Sistem Pendidikan Melalui TVET 4.0 ........ 29
- v. Teras 5 – Memperkukuhkan Kolaborasi Industri dan Komuniti ........ 35
- vi. Teras 6 – Membudaya Penyelidikan Gunaan dan Inovasi ........ 41

PENUTUP ........ 44

SEKALUNG PENGHARGAAN ........ 45

AHLI JAWATANKUASA PELAN TINDAKAN 2022 ........ 46

# PERUTUSAN PENGARAH



Assalamualaikum warahmatullahi wbt. dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Buku Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu 2022 ini dapat diterbitkan. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan Buku Pelan Tindakan ini dapat dihasilkan. Melangkah ke tahun 2022, aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi terus diperkasa dengan tema "Memperhebat Strategi, Melonjak Kecemerlangan". Pendidikan TVET perlu diperkukuhkan dalam menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan industri. TVET kini merupakan agenda nasional negara. Dalam usaha mencapai ke arah itu, kolaborasi strategik yang disokong oleh keterlibatan pihak industri perlu digiatkan bagi memastikan pelajar dapat dilatih dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya. Idea dan pemikiran yang baru perlu seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat.

Berdepan dengan cabaran yang mendatang, tanggungjawab pensyarah lebih besar dalam memastikan kebolehpasaran graduan meningkat biarpun masih berdepan pandemik Covid-19. Dalam usaha mendukung aspirasi tersebut, Fasa Kedua Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 – 2025 berfokuskan kecemerlangan menerusi operasi yang progresif dan dinamik. Enam strategi utama telah digariskan agar program dan aktiviti yang dirancang mampu dilaksanakan secara realistik, fleksibel dan memberi manfaat optimum. Justeru, dengan adanya Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu 2022 menjadi panduan dan rujukan kepada pensyarah dalam mengatur suatu rangka kerja yang tersusun dan sistematik dalam mencapai hala tuju petunjuk prestasi yang ditetapkan. Graduan kini bukan lagi yang mencari pekerjaan, tetapi graduan yang mencipta peluang pekerjaan. Penekanan bagi mendukung kelestarian agenda keusahawanan ini disokong melalui Pelan Tindakan Keusahawanan KPT (2021-2025). TVET terbukti mampu melahirkan individu berkemahiran, terlatih dan berbudaya usahawan. Justeru, setiap warga pendidik PKT bertanggungjawab meningkatkan kecemerlangan dan sinergi dalam menjadikan institusi TVET menjadi pilihan utama pelajar dalam mempersiapkan diri mereka untuk masa depan. Hasrat ini bertepatan dasar kerajaan seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang menumpukan pengukuhan ekosistem pengajian tinggi, Semoga dengan usaha murni ini hasrat untuk mencipta graduan yang unggul dipermudahkan.

Akhir kata dengan rendah hati saya memanjatkan doa kepada Allah swt semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa akan datang dan semua warganya sentiasa dalam limpah keberkatan dan rahmatNya. Insha-Allah.

Sekian, terima kasih.

Dr. Hj. Mohd Daud Bin Isa
Pengarah Politeknik Kuala Terengganu

# PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu Tahun 2022 merupakan satu pelan yang dibangunkan sebagai dokumen perancangan PKT bagi memenuhi visi, misi dan matlamat PKT. Pembangunan pelan tindakan ini dibuat melalui penganjuran bengkel dan gabungan input daripada semua PIC, jabatan serta unit di PKT. Justeru, saya dan pihak editor yang lain ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas komitmen dan dedikasi sehingga berjaya menghasilkan satu teras perancangan tindakan iaitu Pelan Tindakan Politeknik Kuala Terengganu tahun 2022. Melalui strategi yang efektif ini, ianya dapat memastikan PKT dapat bergerak maju selari dan setanding dengan institusi TVET yang lain. Justeru, pelan tindakan ini memberi fokus kepada ENAM (6) teras strategik sepertimana yang telah digariskan dalam Pelan Strategik PKT 2021-2025. Teras-teras dalam pelan tindakan ini adalah rujukan utama semua warga PKT untuk mencapai misi, matlamat dan sasaran yang digariskan iaitu untuk menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat dengan memanfaatkan perkongsian pintar dengan semua yang berkepentingan.

Perancangan yang sistematik dan tersusun tidak akan tercapai tanpa pelaksanaan dan komitmen yang tinggi daripada semua warga yang terlibat. Oleh yang demikian, setiap warga harus mempunyai tanggungjawab dalam memastikan setiap inisiatif dan aktiviti yang digarapkan di dalam pelan ini akan dilaksana dengan berkesan dan berkualiti. Kesungguhan semua warga untuk menjayakan perancangan ini haruslah disokong sepenuhnya oleh pihak pengurusan dan pihak-pihak yang berkepentingan. Dengan perkhidmatan yang cemerlang ini, saya percaya warga PKT akan terus menggapai kecemerlangan dan akan menjadi institusi pilihan pendidikan TVET yang berkualiti.

Terima kasih.



Norlia binti Embong
(Ketua Editor)

# PENDAHULUAN

Politeknik Malaysia merupakan institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan latihan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang berasaskan kepada kemahiran teknologi. Institusi ini telah berjaya melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan mampu memenuhi kehendak industri. Namun, usaha bagi melonjakkan penghasilan graduan yang berkualiti dan berkemahiran seiring dengan perkembangan teknologi terkini perlu dipertingkatkan. Justeru, Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 - 2025 (PSPKK) bertujuan mentransfomasi TVET dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui inisiatif strategik melonjak kearah kecemerlangan telah dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). PSPKK JPPKK dibangunkan dengan mengambil kira lonjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) PPPM (T) 2015-2025 ke arah penghasilan graduan TVET berkualiti. Tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 - 2025 selama tujuh tahun terbahagi kepada dua fasa iaitu:

Fasa I (2018 – 2020) : Memacu Peningkatan Sistem

Fasa II (2021 – 2025) : Menganjak ke Arah Kecemerlangan

Merealisasikan Fasa Kedua bermula 2021 hingga 2025, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) komited untuk melaksanakan aspirasi "Menganjak ke Arah Kecemerlangan" bersama-sama semua pihak berkepentingan seluruh negara. Sehubungan itu, Pelan Tindakan PKT 2022 ini dibangunkan dengan memberikan tumpuan terhadap peningkatan kecemerlangan bagi memastikan PKT bergerak seiring ke arah mencapai aspirasi negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti, holistik dan berciri keusahawanan serta mempunyai personaliti unggul yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Pelan Tindakan yang dihasilkan mengikut tahun semasa ini telah digarap dengan berpaksikan kepada nilai-nilai Kreatif & Inovatif, integriti, tangkas dan profesionalisme merupakan nilai yang perlu ada pada setiap warga dalam merancang dan melaksanakan Enam Teras Strategik iaitu;

Teras Strategik Pertama : Menghasilkan graduan TVET berkualiti

Teras Strategik Kedua : Memantapkan governan yang responsif dan mampan

Teras Strategik Ketiga : Memperkaya bakat

Teras Strategik Keempat : Menerajui sistem pendidikan melalui TVET 4.0

Teras Strategik Kelima : Memperkukuhkan kolaborasi industri dan komuniti

Teras Strategik Keenam : Membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi

Selari dengan kepesatan perkembangan teknologi digital yang berpaksikan kepada Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) ia merupakan satu peluang untuk mempertingkatkan produktiviti dan prestasi terutama dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan pendidikan bersesuaian dengan bidang teknologi digital yang merupakan bidang tujahan PKT. Walau bagaimanapun, pelan ini tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan pengurusan dan pendidikan akademik semata-mata, elemen atau unsur pembentukan sahsiah dan nila-nilai murni juga dititikberatkan dan diterap bagi perkembangan dan pembentukan warga kerja dan graduan yang seimbang dan harmonis. Pendekatan strategik yang akan diambil adalah menyeluruh, bersepadu dan komprehensif yang mampu diterjemahkan di semua peringkat pelaksana ke arah mencapai visi dan misi PKT.

# LATAR BELAKANG

Politeknik Kuala Terengganu yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT) dengan rasminya telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dengan menumpang bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah konsep kampus dalam kota. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, akhirnya pada 1 Julai 1999 PKKT telah berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu yang telah disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengambilan pertama adalah seramai 153 orang pada Jun 1999 untuk Program Sijil Kejuruteraan Awam sahaja. Disusuli Sijil Kejuruteraan Mekanikal, Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Elektrik dan Elektronik. Bermula pada tahun 2003 Program Sijil Kejuruteraan Awam dan Program Sijil Kejuruteraan Mekanikal telah dipindahkan ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Mulai pertengahan Mei 2004, selaras dengan penubuhan kabinet baru selepas Pilihan raya Umum, Politeknik telah diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan ditukarkan namanya kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Memandangkan ruang yang agak terhad di bangunan sedia ada, pada 1 Julai 2005, bangunan tambahan telah disewa bagi menampung para pelajar yang semakin bertambah. Bangunan yang baru disewa dijadikan bilik kuliah untuk Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun bangunan tambahan telah disewa, ianya masih belum mampu menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah. Ini memaksa PKT menyewa satu lagi bangunan tambahan untuk Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2007.

Selari dengan perkembangan pendidikan, pada sesi pengajian Julai 2009, Program Sijil telah dinaiktarafkan kepada diploma dengan penawaran Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Pada sesi Jun 2010, berlaku lagi perubahan dalam Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan penamatan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan menawarkan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi).

Sejajar dengan keperluan untuk meningkatkan peluang pembelajaran dalam pendidikan teknikal kepada lepasan SPM maka PKT telah mengorak langkah dengan penambahan penawaran program baharu di politeknik ini mulai Sesi Jun 2014, iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik- Elektronik (DEE) dengan pengambilan pertamanya seramai 65 orang. Seterusnya pada Sesi Jun 2015, sekali lagi PKT menambah penawaran program Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS) dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar serta menambah daya saing sebagai sebuah institusi yang utama dalam menawarkan latihan TVET terkemuka di Terengganu. Seramai 30 orang pelajar telah mendaftar untuk penawaran kali pertama bagi program DNS tersebut di PKT. PKT terus mengorak langkah dalam menempuh arus perubahan dan modenisasi digital agar seiring dengan perkembangan semasa dewasa ini. Seiring dengan keperluan 10 lonjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), maka mulai sesi Jun 2016 Program Diploma Teknologi Maklumat Pengaturcaraan (DIP) telah dijenamakan semula serta dinaiktarafkan menjadi Program Diploma Teknologi Digital (DDT). Ini bersesuaian dalam usaha melonjak prestasi PKT kepada tahap yang optimum dan cemerlang.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU




# CARTA ORGANISASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

# VISI DAN MISI

Visi dan Misi Politeknik Kuala Terengganu dirangka selari dengan Visi dan Misi Jabatan Pengajian Politeknik. Ianya dikongsi dan dihayati bersama warga Politeknik Kuala Terengganu agar semua pihak dalam politeknik berusaha ke arah pencapaian Visi dan Misi ini.

## VISI

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri.

## MISI

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri.

## DASAR KUALITI

Dasar kualiti PKT adalah membangunkan potensi pelajar PKT ke arah kecemerlangan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKT komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak semula secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarkan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan.

# HALA TUJU STRATEGIK PKT

Politeknik Kuala Terengganu berhasrat menjadi peneraju institusi TVET yang unggul bagi melahirkan modal insan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Selaras keperluan masa kini, Politeknik Kuala Terengganu menerapkan ENAM (6) teras strategik sebagai asas kepada perancangan pelaksanaan yang diterjemahkan berdasarkan visi, misi dan hala tuju institusi ini. Teras strategik ini berperanan untuk mengemudi Pelan Tindakan Kuala Terengganu bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.




***Sumber: Rangka Kerja TVET 4.0 (2018 – 2025)***

TVET adalah salah satu bidang pendidikan yang menjadi pemacu kepada perubahan di dalam lanskap ekonomi dan pertumbuhan negara yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Apabila terdapat persaingan sudah tentulah kita perlu bersedia untuk mendepani cabaran dan bertindak proaktif di dalam menyediakan penyelesaiannya. Di antara isu dan cabaran
ialah;

1. Ketidakapadanan penawaran graduan TVET dengan pemintaan industri
2. Persepsi masyarakat terhadap pendididikan TVET
3. Kebergantungan terhadap tenaga buruh asing
4. Program PSH perlu menyokong peningkatan kemahiran berterusan
5. Modal insan

Buku Rangka Kerja TVET 4.0 telah menggariskan panduan di dalam menetapkan strategi dan inisiatif dengan berteraskan nilai dan teras utama. Berpandukan Rangka Kerja tersebut PKT telah menyediakan Pelan Tindakan yang menterjemahkan hala tuju dan keberhasilan di dalam menghasilkan graduan sebagaimana yang digarapkan.



TERAS
PELAN
TINDAKAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
2022
TERAS 1
MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI
TERAS 2
MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN
TERAS 3
MEMPERKAYA BAKAT
TERAS 4
MENERAJUI SISTEM PENDIDIKAN MELALUI TVET 4.0
TERAS 5
MEMPERKUKUHKAN KOLABORASI INDUSTRI DAN KOMUNITI
TERAS 6
MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN GUNAAN DAN INOVASI

# TERAS 1

## MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI

## OS A
MENGHASILKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI KEBOLEHPASARAN TINGGI

## OS B
MENAMBAHBAIK EKOSISTEM KEUSAHAWANAN

## OS C
MEMBANGUNKAN GRADUAN TVET BERCIRI WARGA GLOBAL (GLOBAL CITIZEN)

| TERAS 1 : MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **OS A : MENGHASILKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI KEBOLEHPASARAN TINGGI** | | | | | | | |
| **INISIATIF** | **SASARAN KERJA UTAMA** | | **SASARAN** | **AKTIVITI** | **PIC AKTIVITI** | **JABATAN /UNIT** | **PIC KPI** |
| | **KPI** | **PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)** | | | | | |
| **A1** Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan Yang Berimpak Tinggi | 1 | Peratus kebolehpasaran graduan Politeknik dan Kolej Komuniti | 87% | Taklimat Kajian Pengesanan Graduan Kepada Bakal Graduan Sebelum Konvokesyen | Pegawai Pengesanan Graduan | CISEC | Pegawai Pengesanan Graduan |
| | | | | Taklimat Kajian Pengesanan Graduan Kepada pelajar semester 5 | Pegawai Pengesanan Graduan | | |
| | | | | Career Bootcamp - Taklimat kerjaya | Ketua Unit CISEC | | |
| | | | | Taklimat Pelajar (Pra-Diploma dan Pelajar Mengulang) | KJMSK | JMSK | |
| | | | | Bengkel Pengukuhan Matematik dan Algebra | Ketua Kursus Matematik JMSK | | |
| | | | | Lawatan STEM Pelajar ke Pusat Sains & Kreativiti Terengganu | Ketua Kursus Sains JMSK | | |
| | | | | Program STEM Bulan Akademia | Ketua Kursus Komputer JMSK | | |
| | 14 | Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT) | 77% | Taklimat Arahan-Arahan Pepeperiksaan dan Kaedah Penilaian | Pegawai Peperiksaan | PEPERIKSAAN | Pegawai Peperiksaan |
| | | | | Pengurusan Minggu Peperiksaan Akhir | | | |
| | | | | Hari bertemu pelanggan unit peperiksaan untuk pelajar carry modul pelajar lama | | | |
| | *26* | *Penglibatan pihak luar/industri dalam PdP (Pensyarah Pelawat Industri) - Interaksi Industri* | 15 jam/program | Lawatan Akademik ke Tapak Projek IPD (KNS Consultant Sdn. Bhd.) | Pensyarah Kursus | JKE | Penyelaras PPI |
| | | | | Lawatan Akademik ke Infradata Sdn. Bhd. | | | |
| | | | | Kursus BWI | Penyelaras SKK JKE | | |
| | | | | Kursus AirCond | | | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 35 | Statistik peratus pelajar membuat penilaian dalam Sistem Penasihatan Akademik (i-PAD) | 85% | Taklimat Sistem Penasihatan akademik kepada Pelajar Baru Sesi 2: 2021 / 2022 | Penyelaras Penasihatan Akademik PKT | PENYELARAS PENASIHATAN AKADEMIK | Penyelaras Penasihatan Akademik PKT |
| | | | | Taklimat Sistem Penasihatan akademik kepada Pelajar Baru Sesi 1: 2022 / 2023 | | | |
| | 46 | Laporan Status Latihan Industri 98% Lulus LI; 45% Cemerlang LI; 100% Penyeliaan LI | 100% | Mengadakan Mesyuarat UPLI | PPLI | UPLI | Ketua Unit UPLI PKT |
| | | | | Memberi Taklimat Latihan Industri | | | |
| | | | | Mengadakan Pemantauan Latihan Industri | | | |
| | | | | Memberi Taklimat Latihan Industri | | | |
| | *3* | *Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik* | 5 | English Week | Ketua Unit Bahasa Inggeris | JPA | Ketua Jabatan HEP |
| | | | | English Camp | | | |
| | | | | Course "Interview 101" | | | |
| | *2* | *Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri* | *6%* | Kursus Keusahawanan | Penyelaras Kursus Keusahawa-nan | JPA | Pegawai Keusahawa-nan |
| | - | - | - | Bengkel Pengucapan Awam | Ketua Unit Pendidikan Islam | JPA | - |
| | | | | Kem Pemantapan Sahsiah | | | |
| | | | | Menyertai Pertandingan Polyskill | Penyelaras Polyskills JKE | JKE | |
| | | | | Menyertai Pertandingan Robot Fira | Penyelaras Robot Fira JKE | | |
| | | | | Pembangunan Inovasi Berasaskan Permainan Digital | Pensyarah | JTMK | |
| | | | | Webinar Polyskills ITNSA dan Web Technology | Penyelaras Polyskill | | |
| | | | | Karnival Sukan Tertutup PKT | Penyelaras USKK | USKK | |
| | | | | Program Kelab Kokurikulum Berkredit Sesi 2 2021/2022 | | | |
| | | | | Program Kelab Kokurikulum Berkredit Sesi 1 2022/2023 | | | |
| | | | | Kejohanan Jemputan Siri 1 | | | |
| | | | | Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) Edisi ke-5 | | | |
| | | | | Program Kebudayaan Siri 1 | | | |

**TERAS 1 : MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI**

**OS B : MENAMBAH BAIK EKOSISTEM KEUSAHAWANAN**

| INISIATIF | SASARAN KERJA UTAMA | | SASARAN | AKTIVITI | PIC AKTIVITI | JABATAN /UNIT | PIC KPI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | | | | | |
| **B1** Melaksanakan Program Keusahawanan Berciri 4IR | 2 | Peratus graduan yang menceburi bidang keusahawanan atau bekerja sendiri | 6% | Siswapreneur Boxing Day 2022 | Ketua Unit Keusahawa-nan | CONCEPT | Pegawai Keusahawa-nan |
| | | | | Kursus Pemasaran Dalam Talian (Media Sosial) | | | |
| | | | | Social Enterprise @ Community | | | |
| **B2** Mewujudkan Inkubator Keusahawanan Berciri 4IR | | | | Kursus Keusahawanan Media Kreatif Fasa 2 | | | |
| | | | | Kolobrasi Dengan Pusat Keusahawanan Universiti Awam | | | |

**TERAS 1 : MENGHASILKAN GRADUAN TVET BERKUALITI**

**OS C : MEMBANGUNKAN GRADUAN TVET BERCIRI WARGA GLOBAL (GLOBAL CITIZEN)**

| INISIATIF | SASARAN KERJA UTAMA | | SASARAN | AKTIVITI | PIC AKTIVITI | JABATAN /UNIT | PIC KPI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | | | | | |
| **C1** Mempromosi dan Membudayakan Kewarganega-raan Global | 3 | Bilangan program pembangunan pelajar berciri holistik | 5 | CSR bersama MPP dan Kelab-kelab pelajar PKT sekitar daerah di Terengganu | Pegawai Sukarelawan | HEP | Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Pembangu-nan Pelajar |
| | | | | CSR bersama komuniti setempat | | | |
| | | | | Skuad Cakna Rumah Sewa - Lawatan muhibah ke rumah sewa pelajar | | | |
| | | | | Konvoi Amal Merdeka | | | |
| | | | | Kursus Kepimpinan dan Pengurusan MPP | | | |
| | | | | Go Green | | | |
| | | | | Program Sekampit Beras Sekilo Gula | Penyelaras CSR JMSK | JMSK | |
| | | | | Pelancaran Kibar Jalur Gemilang | Ketua Unit Pendidikan Islam | JPA | |
| | | | | Kuiz Sempena Bulan Kemerdekaan | | | |
| | | | | Program bersama Komuniti - Pelajar/PRS (Gabungan Poli zon timur/lain2 zon) | PPsi | UPPsi | |
| | 30 | Perjumpaan pengurusan tertinggi dengan Exco MPP | 2 kali setahun | Perjumpaan Pengurusan bersama Barisan Kepimpinan MPP | Pegawai Kebajikan & Disiplin | HEP | Pegawai Hal Ehwal Pelajar (Kebajikan & Disiplin) |
| | | | | Pilihanraya Kampus | | | |
| | | | | Taklimat semasa Hari Pendaftaran / Minggu Suai Kenal bagi pelajar baharu | | | |
| | - | - | - | Taklimat dan Bengkel Literasi Maklumat | Pustakawan | PERPUSTAKAAN | - |
| | | | | Program Semarak Jawi | | | |
| | | | | Program Jom Membaca Bersama 10 minit | | | |
| | | | | Top Borrower Akademia | | | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | - | - | - | Kembara Ilmu Transformasi Minda/Transfer Knowledge - Ke PSA (Politeknik Shah Alam) | Ppsi | UPPsi | - |
| | | | | Program Pencegahan/Pengurusan Sosial Remaja/Intervensi - The Emotional Aftermatch of Covid 19 | | | |
| | | | | Asas Menolong/Asas Kaunseling - PRS/PPKJ/PA | | | |
| | | | | Towards 3.0/ ++ (Motivasi Exam) - semua pelajar | | | |
| | | | | Jalinan Kasih - Sehari bersama UPPsi (Student Profilling) - Sem 1 | | | |
| | | | | Program Persiapan ke alam Pekerjaan - Transformasi Diri Alam Kerjaya UPPsi/Cisec | | | |
| | | | | Kem Kepimpinan/sahsiah/Jati diri/Kecemerlangan pelajar - Pelajar/PRS - | | | |
| | | | | Program Kesihatan Mental - Pengurusan Konflik dan Kemarahan (Pelajar dan Staff) | | | |
| | | | | Program Terapi (Minda, Rohani dan Jasmani) (Pelajar/Staf) -(Pekerja/Pelajar Super - Organisasi Power /Masa depan Power) | | | |



# TERAS 2

## MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN

## OS A

## MEMPERKASA INSTITUSI BERPACUKAN 4.0 IR

## OS B

## MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP, BERHEMAH DAN MAMPAN

**TERAS 2 : MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN**

**OS A : MEMPERKASA INSTITUSI BERPACUKAN 4.0 IR**

| INISIATIF | SASARAN KERJA UTAMA | | SASARAN | AKTIVITI | PIC AKTIVITI | JABATAN /UNIT | PIC KPI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | KPI | PERNYATAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | | | | | |
| **A3** Mengupayakan Warga Kerja Institusi | 7 | *Peratus pensyarah bagi kursus teras bidang di institusi memiliki kemahiran industri pada tahun semasa* | *35%* | Kursus Pensijilan Gentian Optik CA1C & CA2C | Penyelaras Latihan JKE | JKE | Ketua Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan |
| | 31 | *Program peningkatan kompetensi staf (bilangan hari berkursus 3 hari/staf setahun)* | *100%* | Bengkel Introduction and Designing of IOT (Rasberry Pi) | Penyelaras LPL Jabatan | JTMK | Ketua Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan |
| | | | | Bengkel E-commerce Website | | | |
| | | | | Bengkel GUI Development With Java | | | |
| | - | - | - | Kursus IoT | Penyelaras Latihan JKE | JKE | - |
| | | | | Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan | PEK | PENTADBIRAN | - |
| | | | | Kursus Induksi Dalaman | Peg.Latihan | ULPL | - |
| **A4** Meningkatkan Jenama dan Reputasi Institusi | 4 | Bilangan program/aktiviti yang dihebahkan melalui media sosial jabatan/institusi pada tahun semasa | 100 | Hebahan Promosi Melalui Media Massa | PRO | PEGAWAI PERHUBU-NGAN AWAM | Pegawai Perhubungan Awam |
| | | | | Hebahan Promosi Melalui Media Baru | | | |
| | | | | Cetakan Bahan Promosi | | | |
| | | | | Cetakan Kalendar dan Diari | | | |
| | | | | Lawatan Pelajar Sekolah ke PKT | | | |
| | | | | Buletin | | | |
| | | | | Kolaborasi atau kerjasama dengan agensi / influencer | | | |
| | | | | Video Korporat | UIDM | | |
| | 22 | Laporan Tahunan dan Buletin diterbitkan dalam tahun semasa (sebelum April) | 2 laporan | Pengumpulan laporan tahunan dari jabatan & unit | Ketua Editor Laporan Tahunan | PENERBITAN | Ketua Editor Laporan Tahunan |
| | | | | Semakan laporan tahunan oleh editor | | | |
| | | | | Mesyuarat Jawatankuasa Laporan Tahunan | | | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 22 | Laporan Tahunan dan Buletin diterbitkan dalam tahun semasa (sebelum April) | 2 laporan | Pengumpulan data dan aktiviti mengikut sukuan | Ketua Editor Buletin | PENERBITAN | Ketua Editor Buletin (PRO) |
| | | | | Editor mengemaskini laporan mengikut sukuan | | | |
| | | | | Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan | | | |
| | 42 | Menyediakan buku Business Plan (Pelan Tindakan) PKT selari dengan Pelan Strategik JPPKK | 1 kali (Sebelum atau pada Feb) | Pengumpulan serahan input data dari PIC & jabatan & unit | Ketua Editor Pelan Strategik | PENERBITAN | Ketua Editor Pelan Strategik |
| | | | | Semakan Input Data oleh Editor | | | |
| | | | | Pengemaskinian Laporan oleh Editor | | | |
| | | | | Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Strategik | | | |
| | 48 | Bilangan pelajar berdasarkan norma pengambilan mengikut setiap program pengajian. | 100% | Outreach dan pameran / taklimat sekolah | PRO / HEP | PEGAWAI PERHUBU-NGAN AWAM | Ketua Jabatan HEP |
| | - | - | - | Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah | PEK | PENTADBIRAN | - |
| **A5** Meningkatkan Tadbir Urus melalui Lean Management | 15 | Bilangan aktiviti Lean Management di jabatan / institusi | 2 | Aplikasi Tempahan Peralatan UIDM | Ketua Unit Multimedia | TPSA/UIDM | Penyelaras Lean Management PKT |
| | | | | Aplikasi Kehadiran - FingerTec@PKT | Pentadbiran | TPSA/PENT | |
| | | | | Perkhidmatan Pembaharuan Pinjaman Buku di Perpustakaan PKT | Ketua Unit Perpustakaa n | TPSA/PERPUS TAKAAN | |
| | | | | Perkhidmatan Bahan Bacaan di Perpustakaan PKT | | TPSA/PERPUS TAKAAN | |
| | | | | Hari Bertemu Pelanggan (Latihan) | Peg. Latihan | ULPL | |
| | 21 | Data Reten Bulanan ke JPPKK sebelum 10hb setiap bulan | 12 kali setahun | Data Reten Perjawatan di hantar ke JPPKK sebelum 10hb pada setiap bulan | PEK/PT | PENTADBIRAN | Pegawai Eksekutif Kanan (PEK) |
| | 18 | Pemantauan data tidak berintegriti dalam HRMIS | 100% | Pengemaskinian Pengurusan Data Pensyarah/Staf melalui Hrmis, e-sis dan Buku Rekod Perkhidmatan. | PEK/PT | PENTADBIRAN | Pegawai Eksekutif Kanan (PEK) |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
